



**UDA SALURKAN BANTUAN BERNILAI LEBIH RM100,000
BARANGAN DAN KEPERLUAN BAGI PERSIAPAN WAD
TAMBAHAN COVID-19**

UDA turut mendapatkan kerjasama dari syarikat infrastruktur telekomunikasi edotco Malaysia bagi menyokong penyambungan komunikasi mudah alih

Kuala Lumpur, 24 Mac 2020 – UDA Holdings Berhad (UDA) sekali lagi mengambil langkah proaktif dengan menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR) – UDA Cares dengan menyumbangkan lebih RM100,000 bantuan berupa barangan dan keperluan bagi membantu hospital serta petugas perubatan barisan hadapan dalam mengatasi penularan pandemik koronavirus (Covid-19) di Malaysia.

Sumbangan tersebut disalurkan terus ke Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Hospital Sungai Buloh yang sedang dalam kesiapsiagaan menghadapi peningkatan kes dari semasa ke semasa.

Hospital Sungai Buloh dalam usaha membangunkan wad tambahan bagi pesakit Covid-19 dan dalam fasa menyiapkan serta menaiktaraf wad lama dan asrama di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKMM). Langkah menaik taraf tersebut tidak hanya membabitkan wad rawatan yang kondusif bagi pesakit Covid-19 tapi turut merangkumi tempat rehat dan bilik pejabat kepada petugas perubatan barisan hadapan.

Barangan dan keperluan yang disalurkan adalah **televisyen** dan **thermopot** bagi kegunaan pesakit dan petugas perubatan. Barangan dihantar ke beberapa lokasi seperti ILKMM, Pusat Kawalan Kusta Negara, Bilik Gerakan Unit Kesihatan Awam dan Bilik Gerakan Covid Hospital Sungai Buloh. UDA juga dalam usaha untuk mendapatkan **telefon bimbit** dan **set sofa** bagi keperluan pihak hospital.

Pada masa yang sama, UDA turut bekerjasama dengan syarikat infrastruktur telekomunikasi, edotco Malaysia, untuk merapatkan jurang kesalinghubungan di sekitar kawasan Hospital Sungai Buloh. edotco Malaysia dengan segera telah memasang secara percuma infrastruktur khas, edotco Mobile Solution (eMOS) yang kini sudah sedia dan membolehkan pengendali rangkaian mudah alih untuk meningkatkan liputan dan kapasiti kepada pengguna.

Penyerahan sumbangan UDA telah disempurnakan oleh YBrs Sr Mohd. Salem Kailany, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif UDA dan diiringi YBrs Encik Azrudyn Rashid, Ketua Pegawai Operasi, Pengurusan Aset Kumpulan UDA, semalam (23 Mac 2020). Wakil Hospital Sungai Buloh yang hadir bagi menerima sumbangan tersebut ialah Dr. Kuldip Singh Dhillon. Anak syarikat UDA, UDA Dayaurus Sdn Bhd turut mengambil bahagian dan membantu dalam proses pemasangan televisyen.

Sr Mohd. Salem berkata, “Kami menghargai penat lelah dan usaha berterusan petugas perubatan barisan hadapan yang bertungkus-lumus menangani penularan Covid-19. Dengan jumlah kes yang semakin meningkat, pihak hospital semestinya memerlukan pelbagai bantuan dalam melaksanakan usaha-usaha mereka.

“Hospital Sungai Buloh antaranya bakal membuka wad tambahan dari infrastruktur dan bangunan lama bertujuan menampung jumlah pesakit yang dijangka meningkat. Melihat pada keperluan ini, UDA rasa terpenggil untuk membantu pihak hospital agar usaha untuk menyediakan wad tambahan yang selesa kepada pesakit dapat dilaksanakan selain membantu petugas perubatan barisan hadapan memberikan perkhidmatan yang terbaik. Inisiatif ini juga selari dengan salah satu teras perniagaan UDA iaitu **memperkasa gaya hidup**,” katanya.

Selain itu, pihak UDA turut memberikan sumbangan **250 pek makanan** kepada petugas perubatan di Hospital Sungai Buloh bermula semalam (23 Mac 2020) hingga 30 Mac 2020. Bagi sumbangan 250 pek makanan semalam, ia disumbangkan oleh Datuk Hisham Hamdan, Pengerusi UDA. Sumbangan ikhlas tersebut adalah bagi menghargai usaha dan penat lelah petugas hospital berkenaan yang banyak membantu sepanjang tempoh pesakit berada di hospital terutama sekali pesakit dari UDA.

AnCasa Hotel Kuala Lumpur, anak syarikat UDA, turut menyalurkan sumbangan pek makanan kepada Hospital Sungai Buloh dan Pejabat Kesihatan Daerah Petaling, baru-baru ini. Untuk makluman, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, AnCasa Hotel ditutup sementara waktu namun perkhidmatan makanan dan minuman (*food and beverages*) beroperasi seperti biasa dan dibuka untuk penghantaran sahaja.

AnCasa Hotel sentiasa bersedia mengambil tempahan untuk tajaan pek makanan dan ingin mengajak orang ramai, organisasi serta syarikat agar dapat menyumbangkan pek makanan kepada kakitangan perubatan atau pesakit Covid-19. Tempahan minimum adalah 30 pek dan penghantaran terus ke lokasi yang diminta. Terbaru, AnCasa Hotel turut menerima tempahan untuk sumbangan pek makanan daripada individu kepada Pejabat Kesihatan Daerah Putrajaya bermula 24 – 31 Mac 2020.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), merupakan salah satu organisasi pemaju hartanah, pengurusan aset, fasiliti, dan hospitaliti yang mampan serta berdaya saing di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan aset dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor Bahru sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di uda.com.my atau laman Facebook [facebook.com/UDAHoldings](https://www.facebook.com/UDAHoldings) dan Instagram [@uda_official](https://www.instagram.com/uda_official).

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- **Nor Hanisah Kamaruzaman (Nisa)** | n.hanisah@udanet.com | +6013 597 4264
- **Latifah Osman (Lat)** | lat@udanet.com | +6012 291 5427

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad

Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855

KETERANGAN GAMBAR



- 1) YBrs Sr Mohd. Salem Kailany, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif UDA menyempurnakan penyerahan sumbangan berbentuk televisyen dan *thermopot* dalam membantu pihak Hospital Sungai Buloh menaik taraf wad lama da asrama bagi membuka wad tambahan untuk pesakit Covid-19 yang kian meningkat. Turut hadir YBrs Encik Azrudyn Rashid, Ketua Pegawai, Pengurusan Aset Kumpulan UDA dan wakil dari Hospital Sungai Buloh bagi menerima sumbangan ini ialah Dr. Kuldip Singh Dhillon.



- 2) Sebanyak 45 unit televisyen dihantar ke beberapa lokasi seperti Pusat Kawalan Kusta Negara, Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia, Bilik Gerakan Unit Kesihatan Awam dan Bilik Gerakan Covid Hospital Sungai Buloh.



- 3) Sr Mohd. Salem (kanan) menyaksikan proses pemasangan televisyen yang dibantu kakitangan UDA Dayaurus untuk wad tambahan bagi pesakit baru khususnya dari kluster tabligh dan tahfiz. Sumbangan diharap dapat membantu pihak HSB menyiapkan ruang wad tambahan yang kondusif bagi pesakit Covid-19 yang ditahan di wad bagi jangka masa lama dan menjalani proses penyembuhan dengan lebih baik.



- 4) Sr Mohd. Salem (kanan) melawat ke wad tambahan di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang bakal dibuka oleh HSB dalam kesiapsiagaan menghadapi jangkaan penambahan pesakit.



- 5) Sumbangan pek makanan kepada kakitangan perubatan di Hospital Sungai Buloh dari salah sebuah anak syarikat UDA, AnCasa Hotel. Pihak AnCasa Hotel turut membuka tempahan dan mengalu-alukan orang ramai, organisasi serta syarikat untuk menyalurkan bantuan pek makanan kepada kakitangan perubatan atau pesakit Covid-19.



- 6) AnCasa Hotel turut menghantar pek makanan kepada kakitangan perubatan di Pejabat Kesihatan Daerah Petaling, baru-baru ini.